

25 APR 2002

Agong-Pertabalan (Bergambar)

YANG DI-PERTUAN AGONG KE-12 DITABAL DALAM ISTIADAT GILANG-GEMILANG

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, 58, ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 dalam acara penuh adat istiadat di Balairong Seri, Istana Negara di sini hari ini.

Sebaik saja Seri Paduka Baginda melafazkan ikrar sebagai ketua negara, semua yang hadir telah berdiri dan melaungkan "Daulat Tuanku" tiga kali diketuai oleh Datuk Maharaja Lela Datuk Zubir Ali.

Dalam ikrar yang ditulis Jawi di atas kulit kambing, baginda berjanji akan menjalankan seadil-adilnya pemerintahan mengikut undang-undang dan Perlembagaan negara, serta memelihara agama Islam dan berdiri teguh di atas pemerintahan yang adil dan aman dalam negara.

Selepas Seri Paduka selesai melafazkan warkah ikrar sebagai Yang di-Pertuan Agong, nafiri ditiup, dan lagu nobat "Raja Bertabal" dimainkan oleh Kumpulan Nobat Istana Kedah.

Ini diikuti dengan tembakan meriam 21 das oleh 41 Bateri Rejimen Artileri Diraja, dan disusuli dengan lagu "NegaraKu" yang dimainkan oleh pancaragam Polis Diraja Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum itu membaca surat perisytiharan pertabalan, yang juga ditulis Jawi di atas kulit kambing.

Ini diikuti dengan Datuk Paduka Maharaja Lela menyembah Keris Kerajaan atau Keris Panjang Diraja, iaitu alat kebesaran negara yang utama, tanda kebesaran dan kekuasaan kepada Seri Paduka.

Seri Paduka kemudian menghunus, mengucup dan menyarungkan kembali keris itu sebelum meletakkannya di meja sebelah kiri baginda, sebelum melafazkan ikrar.

Istiadat itu disaksikan oleh Raja-raja Melayu yang terdiri daripada Sultan Kedah, Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Pahang, Sultan Kelantan, Sultan Perak, Sultan Terengganu dan Sultan Selangor.

Johor diwakili oleh Tengku Mahkota dan Perlis oleh Pemangku Raja Perlis manakala Brunei Darussalam diwakili oleh Putera Mahkota.

Turut hadir Yang Dipertua-Yang Dipertua Negeri, menteri-menteri kabinet, menteri-menteri Besar dan ketua-ketua Menteri, kerabat diraja Perlis termasuk bonda Seri Paduka Baginda iaitu Raja Perempuan Besar Perlis, wakil-wakil negara asing serta tetamu kehormat dari dalam dan luar negara.

Istiadat pertabalan bermula pada 10 pagi dengan keberangkatan Seri Paduka Baginda dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid ke Balairong Seri dengan iringan tiupan nafiri dan paluan nobat lagu "Raja Berangkat".

Keberangkatan baginda berdua didahului oleh Datuk Maharaja Lela dan panglima-panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama.

Cogan Alam dan Cogan Agama, kedua-duanya tongkat perak yang merupakan sebahagian alat kebesaran Diraja yang menjadi lambang kebesaran Kerajaan Malaysia.

Mereka diiringi oleh para juruiring Seri Paduka dan panglima-panglima yang membawa alat-alat kebesaran Diraja.

Istiadat itu disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Tuanku Syed Sirajuddin berpakaian rasmi Yang di-Pertuan Agong iaitu muskat (seperti kot hitam labuh) yang bersulam emas serta berseluar panjang bersulam di kaki dengan bertengkolok "Dendam Tak Sudah" serta memakai Pending Diraja, diperbuat daripada emas bertatahkan permata delima dengan lambang Kerajaan Persekutuan tertera di tengah-tengahnya bersama-sama tali bengkung yang diperbuat daripada kain saklat bertekak benang emas berbunga-bunga.

Di pinggang Seri Paduka tersemat Keris Pendek Diraja yang hulunya diperbuat

daripada mata keris lama dengan bersarung gading bertatahkan emas.

Tuanku Fauziah pula memakai perhiasan Raja Permaisuri Agong iaitu Gendik Diraja, pakaian ulu (kepala) dan Kalung Diraja, kedua-duanya diperbuat daripada emas putih bertatah berlian.

Istiadat pertabalan dimulakan dengan naskhah al-Quran dibawa masuk oleh Datuk Penghulu Istiadat Datuk Ishak Ahmad, yang juga Datuk Pengelola Bijaya Diraja bersama-sama Keris Kerajaan, surat perisytiharan dan watakah ikrar oleh pegawai-pegawai Istana Negara, diketuai oleh Datuk Maharaja Lela dengan iringan paluan nobat lagu "Menjunjung Duli".

Naskhah al-Quran yang melambangkan kemuliaan Islam sebagai agama rasmi negara, disebarkan kepada Seri Paduka Baginda oleh Datuk Paduka Maharaja Lela, dan dikucup oleh Seri Paduka sebelum meletakkannya di atas rehal di meja sebelah kiri baginda.

Ini diikuti dengan perisytiharan oleh Dr Mahathir dan lafaz ikrar Yang di-Pertuan Agong.

Selepas itu, Dr Mahathir menyampaikan ucapan tahniah dan ikrar taat setia kerajaan dan rakyat Malaysia, dan diikuti dengan titah Tuanku Syed Sirajuddin, serta diikuti dengan bacaan doa selamat oleh Pegawai Agama Istana Negara, Datuk Abu Hassan Din.

Sebelum istiadat pertabalan selesai, Datuk Maharaja Lela telah menerima balik naskhah al-Quran daripada Seri Paduka, dan mengisytiharkan istiadat itu telah disempurnakan serta diikuti dengan keberangkatan Seri Paduka berdua meninggalkan Balairong Seri.

Tiupan nafiri dan paluan nobat lagu "Raja Berangkat" mengiringi keberangkatan Seri Paduka berdua yang didahului oleh Datuk Maharaja Lela dan diikuti oleh Datuk Penghulu Istiadat membawa naskhah al-Quran, panglima-panglima yang membawa Cogan Alam dan Cogan Agama dan alat-alat kebesaran Diraja.

Sebelum itu, Tuanku Syed Sirajuddin telah memeriksa perbarisan kawalan kehormatan oleh Batalion Pertama Askar Melayu Diraja.

Tuanku Syed Sirajuddin telah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 pada mesyuarat khas Majlis Raja-Raja ke-191 pada 12 Dis lepas berikutan kemangkatan Almarhum Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 21 Nov tahun lepas.

Istiadat lafaz sumpah jawatan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12 diadakan penuh istiadat di Istana Negara pada 13 Dis tahun lepas dan tempoh jawatan itu berkuatkuasa untuk tempoh lima tahun.

Kebiasaannya istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong tidak diadakan serentak dengan istiadat Lafaz Sumpah Jawatan.

Dalam sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan di Malaysia, Yang di-Pertuan Agong bertukar mengikut giliran di kalangan sembilan Sultan atau Raja yang memerintah negeri sejak sistem ini dilaksanakan ketika negara mencapai kemerdekaan pada 1957.

Perlembagaan Persekutuan menyebut bahawa Yang di-Pertuan Agong, orang yang terutama di Malaysia, tidak dipilih oleh rakyat tetapi oleh sembilan Raja-raja Melayu berkenaan pada persidangan Majlis Raja-raja, bagi memegang jawatan itu untuk tempoh lima tahun.

Raja-raja Melayu yang layak memilih dan menduduki takhta pemerintahan Malaysia ialah Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Selangor, Raja Perlis, Sultan Terengganu, Sultan Kedah, Sultan Kelantan, Sultan Pahang, Sultan Johor dan Sultan Perak.

Sejak pemilihan Yang di-Pertuan Agong yang pertama iaitu Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad, Malaysia kini sudah mempunyai 12 orang Ketua Negara.

-- BERNAMA

HK CR NM AZH MAI